

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 August 2015

Berbanggalah jadi bangsa Malaysia

Um - 21/8/2015



Mutakhir ini, kita sudah nampak bibit-bibit perpecahan akibat fahaman politik yang keterlaluan serta sikap ekstrem yang semakin menjadi-jadi, justeru **Sehati Sejiwa** amat bertepatan bagi menyatupadukan kembali rakyat.

KURANG dua minggu lagi kita bakal menyambut Hari Kebangsaan bertemakan *Sehati Sejiwa* pada 31 Ogos. Diam tak diam, sudah separuh abad masyarakat berbilang kaum di negara ini hidup bersama di bawah satu panji bema-ma Malaysia.

Tema itu dipilih kerana ia mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat Malaysia, dan mulai tahun ini, sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tidak lagi disebut berdasarkan ulang tahun, sebaliknya mengikut tahun.

Umum tahu, sejak tahun lepas, rakyat Malaysia telah diuji dengan pelbagai musibah seperti tragedi nahas dua pesawat negara iaitu MH370 dan MH17, bah besar di negeri-negeri Semenanjung Malaysia serta gempa bumi di Sabah.

Ibarat 'cubit paha kanan, paha kiri merasa juga', bencana menimpa turut dirasakan dan terkena tempas oleh seluruh rakyat Malaysia - tanpa mengira kaum dan usia, semua berganding bahu mengurangkan beban keluarga mangsa terbabit.

Sebagai sebuah keluarga besar, perasaan sedih dan gembira seharusnya dirasakan bersama - sebab itulah tema *Sehati Sejiwa* dipilih bagi melambangkan semangat kesepaduan dimiliki oleh semua rakyat Malaysia, tidak kira di mana mereka berada.

Syukur, pada tahun ini kita telah mencapai kemerdekaan Malaysia yang ke-58. Sebagai rakyat Malaysia, saya berasa bangga di atas kemerdekaan yang kita Jeccapi dari tahun 1957 sehingga 2016 ini.

Pelbagai suka duka diharungi dalam tempoh itu. Peristiwa 13 Mei 1969 misahiya, pemah menggugat keharmonian negara rentetan rusuhan kaum. Sejarah hitam itu harus

dijadikan iktibar agar tidak berulang, justeru jangan dititis air limau ke dalam luka lagi.

Mutakhir ini, kita sudah nampak bibit-bibit perpecahan akibat fahaman politik yang keterlaluan serta sikap ekstrem yang semakin menjadi-jadi, justeru *Sehati Sejiwa* amat bertepatan bagi menyatupadukan kembali rakyat.

Saya yakin, masih ramai warga negara ini yang sangat sayangkan Malaysia. Negara ini tidak memerlukan golongan ekstrem dalam apa jua bentuk sama ada agama, bangsa ataupun politik.

Negara ini milik kita semua, bukan milik satu kaum. Boleh dikatakan lebih 90 peratus daripada kita - sama ada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut, Meianau dan sebagainya lahir di negara ini. Selama ini kita hidup harmoni, tak siapa boleh rampas kebahagiaan itu.

Jangan dirosak kebahagiaan yang dibina. Jika sekali lagi ia musnah, bahananya akan ditanggung oleh anak cucu. Pada masa itu kita belum tentu hidup lagi. Kebahagiaan sepatutnya diwarisi kepada generasi muda.

Bagi generasi muda, kemerdekaan melambangkan keharmonian di antara kaum yang wujud

sekitan lama. Maklumlah, mereka dilahirkan seiepas pasca merdeka, ceilik mata, kesenangan sudah terbentang di depan mata. Mereka tak perlu meialui zaman komunis atau dijajah.

Mewakiii suara majoriti remaja, Meshalini, peajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda, Shah Alam, Selangor yang ditemui *Bemama* ketika menyertai raptai Hari Kebangsaan pada tahun lepas dipetik berkata:

"Selepas rakyat Malaysia merdeka, kita ada kebebasan untuk diri sendiri tanpa dikawal oleh orang iain (penjajah) dan kita harus bersatu padu untuk mengekalkan kebebasan ini".

Bagi saya, roh kesepaduan, kesefahaman dan kekitaan dapat dibentukkan menerusi proses asimilasi kaum di peringkat awal dan Sekolah Wawasan merupakan platform terbaik bagi melahirkan rakyat Malaysia.

Sekolah Wawasan, menempatkan dua atau tiga buah sekolah rendah berlainan aliran dalam kawasan sama, tidak mempunyai sebarang agenda untuk menghapuskan ciri-ciri sekolah vemakular melainkan mahu mengelakkan prejudis kaum dalam kalangan golongan muda.

Tidak perlu risau kerana setiap

sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boieh disambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung bagi menggaikakan interaksi maksimum antara semua warga sekolah.

Selain itu, perkongsian kemudahan dan pelaksanaan aktiviti sekolah pastinya akan memberi peluang kepada semua warga sekolah khususnya murid untuk berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan sesama mereka.

Tidak timbul rasis jika penggunaan bahasa Melayu dimartabatkan di Sekolah Wawasan. Hakikatnya, bahasa Melayu sudah diiktiraf bahasa dunia. Buktinya, penganjuran Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PBAM) mendapat sambutan pelajar iuar pada setiap tahun.

PBAM 2015 baru-baru ini menyaksikan peserta 'mat saih' memonopoli kategori Antarabangsa. Joshua Parhth dari United Kingdom dinobatkan sebagai juara, Emma Cecilia Roberts (Austriia - naib juara) dan Wyatt Gordon (Amerika Syarikat - tempat ketiga).

Menariknya, Mahmoud Abdel Fattah Ibrahim Essa dari Mesir pula muncul juara bagi kategori Pelajar Asing di Malaysia menerusi tajuk 'Bahasa Jiwa Bangsa'. Bayangkan, orang luar puia yang dapat melihat kepentingan bahasa Melayu sebagai gagasan pembentukan bangsa Malaysia.